

SULIT

1103/1

1
1
0
3
1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2026
2 jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2026

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.


Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan aktiviti sukan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **aktiviti bersukan dalam kalangan masyarakat di Malaysia**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

KUALA LUMPUR: Hanya 66.1 peratus daripada populasi rakyat Malaysia bergiat aktif dalam bidang sukan, menurut hasil dapatan kajian indeks budaya sukan pada 2019. Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk M. Noor Azman Taib menyifatkan hasil skor kajian itu menunjukkan bahawa tahap keterlibatan rakyat Malaysia dalam bidang sukan masih berada pada tahap sederhana.

Sumber: Bernama



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Perkembangan teknologi telah memberikan kemudahan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya memudahkan kerja seharian dan dapat menjimatkan masa. Kecanggihan teknologi juga memberikan kemudahan untuk berkomunikasi.

Sumber: Akademi CMN

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan teknologi.

- 2 Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, berkata berdasarkan Bancian Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), struktur umur petani negara menunjukkan peluang besar untuk memperkasakan generasi muda dalam sektor berkenaan. Katanya, antara pendekatan utama yang digerakkan termasuklah pembangunan belia tani melalui Program Agropreneur Muda (PAM) yang menyasarkan golongan berusia antara 18 hingga 45 tahun.

Sumber: Astro Awani

Selain usaha yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan usaha-usaha lain yang boleh dilaksanakan untuk menggalakkan golongan belia menceburi bidang tersebut.

 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah]

- 3 Kesusasteraan menjadi wadah mengekspresikan fikiran, perasaan dan idea yang meluas. Namun, pelbagai cabaran dalam perkembangan kesusasteraan Melayu seperti peluang pekerjaan yang terhad di samping tanggapan negatif masyarakat terhadap bidang sastera. Selain itu, masyarakat juga kurang berminat membaca karya sastera.

Sumber: Dewan Sastera, Februari 2026

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan cabaran-cabaran perkembangan kesusasteraan Melayu di negara kita.

- 4 Malaysia menjadi destinasi pilihan untuk melancong kerana memiliki keunikan tersendiri seperti mempunyai banyak bangunan bersejarah dan diwarnai dengan kepelbagaian budaya. Selain itu, faktor keindahan alam semula jadi juga menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang tersohor.

Sumber: Utusan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, tulis sebuah rencana tentang faktor-faktor Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancong.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



SERTAI TELEGRAM @exercise_students